

Siri Pejuang Bangsa

*Tunku Abdul Rahman
dan
Tun Abdul Razak*

AZALINA MOKHTAR



PINTAR FIRUS SDN. BHD.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan - dalam - Penerbitan

Azalina Mokhtar

Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak / Azalina Mokhtar.

(Siri pejuang bangsa)

ISBN 983-2673-36-4 (set)

ISBN 983-2673-37-2

1. Tunku Abdul Rahman Putra, al-Haj, 1903-1990. 2. Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun, 1922 - 1976. 3. Prime Ministers -- Malaysia -- Biography. 4. Malaysia -- Politics and government -- History. I. Judul. II. Siri 959. 5950922

© PINTAR FIRUS SDN. BHD.

CETAKAN PERTAMA 2004

AMARAN ATAS HAK CIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak **PINTAR FIRUS SDN. BHD.**

31 MAR 2005

NASKAH PEMELIHAKAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB

01167973

499.2386

A2A ✓



Tunku Abdul Rahman

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Siapakah tokoh negarawan yang sering dikaitkan dengan laungan ini?

Beliau ialah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Hamid. Tunku dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Istana Sultan Kedah, Alor Setar. Tunku merupakan putera kelima Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Ibunya bernama Che Menjelara merupakan puteri keturunan Raja Siam.

Walaupun berdarah diraja, Tunku hanya bersekolah di sekolah orang-orang kebanyakan. Sewaktu di sekolah rendah lagi, Tunku merupakan pelajar yang pintar dan cergas. Setelah tamat persekolahannya di Alor Setar, Tunku menyambung pelajarannya di Penang Free School, Pulau Pinang.

Tunku merupakan seorang yang ramah dan mesra. Tunku belajar dan berkawan dengan semua orang tanpa mengira **darjat**. Oleh itu,

Tunku amat disenangi oleh kawan-kawannya. Tunku melanjutkan pelajarannya ke England pada tahun 1919 dan berjaya **meraih** Ijazah Sarjana Muda Sastera dari St. Catherine's College pada tahun 1925. Tunku bolehlah dianggap sebagai anak Melayu yang pertama lulus dari universiti di England. Tunku kembali ke tanah air dan memasuki Perkhidmatan Awam Negeri Kedah.

Atas galakan dan dorongan daripada kekandanya, Tunku meneruskan pengajian dalam jurusan undang-undang di England. Malangnya Tunku tidak sempat menamatkan pelajarannya kerana Perang Dunia Kedua meletus. Sewaktu Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu juga terlibat dalam peperangan ini. Tanah Melayu telah dijajah oleh Jepun. Pada masa penjajahan Jepun, Tunku menjadi Pegawai Daerah di Kedah. Tunku sentiasa berbaik-baik dengan rakyat biasa. Ini menyebabkan Tunku amat disukai dan dihormati rakyat.

Selepas perang tamat, Tunku menyambung semula pengajiannya di England. Pada masa inilah Tunku mula bergiat dan menyertai Pertubuhan Pelajar-pelajar Melayu. Inilah titik bermulanya Tunku melibatkan diri dalam dunia politik. Sekembalinya Tunku ke tanah air, Tunku menjadi Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Peguam Negara Persekutuan.

Zaman pendudukan Jepun di tanah air telah benar-benar melahirkan semangat kebangsaan dalam jiwa Tunku. Beliau turut melibatkan diri dalam UMNO. Penglibatan Tunku adalah secara aktif. Apabila Datuk Onn Jaafar meletak jawatan sebagai Presiden UMNO, Tunku telah diminta mengisi kekosongan itu pada tahun 1951.

Setelah beliau dipilih menjadi Yang Dipertuan Agung UMNO bagi menggantikan Datuk Onn yang telah meninggalkan UMNO bagi menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya, Tunku Abdul Rahman mencari orang yang difikirkan layak menjadi ahli-ahli jawatankuasa kerja yang berkebolehan dan boleh dipercayai beliau.

Beliau memerlukan orang yang benar-benar mempunyai perasaan taat setia dan bersemangat, sanggup berkorban serta tidak gentar dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan negara ini.

Tunku telah melantik Dr. Ismail walaupun beliau baru berjumpa sekali dengannya, iaitu setahun sebelumnya. Dr. Ismail telah tertarik dengan sifat Tunku Abdul Rahman dalam perjumpaan mereka kali pertamanya kerana walaupun Tunku Abdul Rahman seorang kerabat diraja Kedah, Tunku pada pandangannya adalah seorang yang senang

bergaul dan tidak sombong, suatu sifat yang amat dikehendaki bagi seorang yang menjadi pemimpin. Pada pandangan Tunku pula, Dr. Ismail adalah seorang yang berprinsip dan mempunyai pegangan kuat terhadap sesuatu dasar atau kepercayaan.

Dr. Ismail adalah seorang yang betul-betul berdiri di belakang Tunku dalam masa UMNO di bawah pimpinan Tunku menghadapi pancaroba.

Sungguhpun beliau telah lama bercita-cita hendak meninggalkan jawatan kerajaan untuk berkhidmat kepada rakyat tetapi Tunku masih belum dapat menentukan pendirian beliau sama ada menerima atau tidak pencalonan sebagai Yang Dipertuan Agung UMNO. Datuk Razak dan Encik Bahaman Shamsuddin telah berjumpa dengan Tunku Abdul Rahman memintanya menerima pencalonan tersebut. Tunku kemudiannya telah menerima dan Encik Bahaman sendiri yang mencadangkan beliau menjadi Yang Dipertuan Agung UMNO. Tunku Abdul Rahman akhirnya telah dipilih dengan suara yang terbanyak untuk menjadi Yang Dipertuan Agung UMNO pada hari Ahad 26 Ogos 1951.

Persidangan Agung UMNO itu mulai membawa perubahan yang besar terhadap diri Tunku Abdul Rahman. Bakat beliau sebagai pemimpin kebangsaan muncul secara beransur-ansur dari setahun ke setahun semenjak dipilih menggantikan Datuk Onn.

Pada 30 Mac 1946 ketika beliau belum menjadi seorang pemimpin, Tunku telah membuat suatu ucapan yang membuktikan bahawa beliau ialah seorang yang berani berucap berdasarkan kepercayaan beliau. Beliau telah membuat ucapannya itu dalam perjumpaan menunjukkan perasaan membantah Malayan Union di Alor Setar.

Semenjak memegang jawatan Pegawai Jajahan bermula di Kuala Nerang, Tunku telah menunjukkan dengan jelas sikap beliau yang suka mengenal rakyat dari dekat iaitu dengan berhubung rapat dengan mereka. Beliau telah mengambil keputusan untuk berbuat demikian sebaik saja dipilih menjadi Yang Dipertuan Agung UMNO. Semenjak itu, Tunku tidak tetap di rumah dengan anak isterinya.

Semenjak Perikatan UMNO-MCA memulakan majlis-majlis mesyuarat dan jawatankuasa-jawatankuasa kerajaan, kerajaan dan Parti Negara serta pihak-pihak yang lain cuba memecahkan Perikatan supaya kalah dalam pilihan raya dan tidak boleh mencapai kemerdekaan negara ini.

Berbagai-bagai dusta, fitnah dan tuduhan telah dilemparkan

terhadap Perikatan bagi memecahkan penyatuan dan menimbulkan pergaduhan antara Cina dengan Melayu dan juga orang India. Tujuannya supaya Parti Negara dan Parti Kemerdekaan Malaya menang dalam pilihan raya dan pemimpin-pemimpin yang telah menjadi boneka kerajaan Inggeris semenjak dahulu berkuasa semula mengekalkan penjajahan dalam negeri ini.

Tunku Abdul Rahman telah memutuskan bahawa sekiranya Perikatan menang beliau akan meninggalkan rumahnya yang besar itu dan mendiami rumah yang sederhana dengan hidup sederhana supaya beliau sentiasa ingat terhadap rakyat.


Pada bulan April 1955, Tunku dan Tuan T.H. Tan telah terbang ke Bangkok dan tinggal di sana selama seminggu untuk berjumpa dengan Perdana Menteri Siam, Field Marshall Phibul Songgaram dan Ketua Polis Siam, Pau Sarianum untuk membincangkan perkara berkenaan kemerdekaan Malaya.

Gerak-geri Tunku Abdul Rahman di Bangkok sentiasa di bawah itipan pegawai-pegawai kedutaan Inggeris. Ke mana sahaja Tunku Abdul Rahman pergi ada orang yang mengikut Tunku. Pegawai-pegawai dari Cawangan Khas yang mempunyai perbelanjaan yang tidak ada batasnya bagi mencegah perkembangan fahaman komunis sebenarnya pencegah kemajuan ke arah kemerdekaan negara ini.

Tunku membuktikan semangat kenegaraan beliau apabila Parti Perikatan dihasilkan bersama-sama dengan MCA dan kemudiannya disertai MIC. Tunku menegaskan kemerdekaan hanya akan dicapai melalui **kompromi** dan kerjasama antara kaum Melayu, Cina dan India.

Semasa komunis di Tanah Melayu, ramai rakyat yang hidup menderita. Keadaan ini amat menyedihkan Tunku. Oleh itu, Tunku sering memberi semangat kepada rakyat supaya menentang komunis. Tunku menggesa rakyat memasuki pasukan polis dan tentera. Penduduk kampung dikerah bersatu mengawal keselamatan kampung masing-masing.

Tunku berusaha menyelamatkan negara dari ancaman komunis. Rundingan antara Tunku dengan Parti Komunis Malaya telah diadakan di Baling tetapi menemui jalan buntu. Chin Peng, ketua parti tersebut melarikan diri ke dalam hutan semula. Tunku tidak berhenti-henti memberi semangat kepada pasukan pertahanan negara supaya terus berjuang untuk menghapuskan komunis. Akhirnya, ramai komunis yang terkorban. Pengganas komunis semakin hari semakin lemah. Keamanan negara dapat dipulihkan kembali.



Dalam pada itu, Tunku terus berusaha menyatupadukan orang-orang Melayu, Cina dan India di negara ini. Tunku berunding dengan ketua orang-orang Cina dan India. Setelah rundingan demi rundingan diadakan, akhirnya mereka bersetuju untuk bergabung dalam satu parti, iaitu Parti Perikatan. Perikatan kemudian mengambil keputusan untuk bukan saja membuktikan kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Pejabat Tanah Jajahan tetapi juga musuhnya, bahawa Perikatan adalah suatu pertubuhan yang kuat dan bersatu dan MCA tidak akan meninggalkan rakan-rakannya dalam perjuangan mencapai kemerdekaan negara ini.

Jawatankuasa Am MCA bersidang di Kuala Lumpur. Bagi kali pertama Tunku berucap di majlis tersebut. MCA dengan sebulat suara menyokong tindakan yang akan diambil oleh Perikatan iaitu memulaukan semua Majlis Mesyuarat Kerajaan, dari Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan hingga kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang kecil di pejabat-pejabat kerajaan.

Kemudian Perikatan mendapat tahu bahawa Sir Donald telah mengambil tindakan menolak tuntutannya setelah dia mendengar fikiran Datuk Onn. Datuk Onn dan pegawai-pegawai tinggi British percaya bahawa MCA akan keluar dari Perikatan dan ini bererti Perikatan

akhirnya dikuburkan. Tunku berusaha pula untuk menuntut kemerdekaan daripada Inggeris. Dengan perpaduan yang kental dan tidak berbelah-bagi, Inggeris memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Pada tahun 1955, Tunku telah dilantik menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu oleh orang-orang Inggeris. Namun, Tunku tetap mahu bebas tanpa arahan daripada Inggeris. Oleh itu, Tunku berserta kawan-kawannya berunding dengan pihak Inggeris.

Tunku mengetuai rombongan Perundingan Merdeka yang disertai oleh pegawai wakil Raja Melayu dan wakil Parti Perikatan di Lancaster House. Dengan keazaman kuat yang ditunjukkan oleh Tunku dan rakan-rakannya, pihak Inggeris telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Pada Februari 1956, Tunku menandatangani Perjanjian Merdeka. Hari bersejarah yang ditetapkan ialah pada 31 Ogos 1957.

Tunku menetapkan Melaka sebagai tempat perisytiharan kemerdekaan kerana Melaka ialah negeri pertama yang dijajah oleh bangsa asing. Stadium Merdeka telah dibina untuk menyambut Hari Kemerdekaan yang penuh bersejarah dan bermakna itu. Pada hari yang bersejarah tersebut ramai rakyat berbilang kaum datang dari seluruh pelosok negara untuk menyaksikan peristiwa yang tidak akan berulang pada masa hadapan.

Waktu hanya tinggal beberapa detik lagi ke pukul dua belas tengah malam, 31 Ogos 1957. Bendera Inggeris sudah mula diturunkan. Sebagai gantinya bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan. Masa yang ditunggu-tunggu akhirnya tiba. Tepat pada jam tersebut, Tunku melaungkan "Merdeka! Merdeka! Merdeka!". Laungan Tunku disambut dengan riang dan penuh bersemangat oleh semua rakyat.

Setelah Perjanjian Merdeka diserahkan kepada Tunku sebagai tanda penyerahan Tanah Melayu, Tunku telah diberi penghormatan untuk menyampaikan kata-kata semangat kepada rakyat.

"Tanah Melayu ialah sebuah negara yang sentiasa **demokratik** dan merdeka. Tanah Melayu ialah sebuah negara yang baru lahir dari suatu perjuangan yang suci," kata Tunku dengan penuh semangat.

Dengan kemerdekaan itu, Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri Persekutuan Melayu yang pertama. Daripada kejayaan Tunku menuntut kemerdekaan inilah beliau diberi gelaran "Bapa Kemerdekaan".

Semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, banyak kemajuan telah dicapai. Semua kemajuan itu adalah untuk kesenangan dan kemudahan rakyat. Banyak sekolah dan pusat pengajian tinggi telah didirikan.

Kampung-kampung di luar bandar telah mendapat bekalan elektrik, air paip dan **infrastruktur** yang lain berkat daripada usaha Tunku.

Tunku juga sangat prihatin dan mengambil berat terhadap rakyat. Beliau seorang yang mudah bergaul mesra dengan semua rakyat yang berbilang kaum. Walau setinggi mana pencapaian beliau, Tunku tetap seorang yang merendah diri dan sentiasa memikirkan kebaikan rakyat.

Pada 21 September 1970, Tunku telah meletak jawatan atas desakan kesihatan yang tidak mengizinkan. Jawatan sebagai Perdana Menteri telah diambil alih oleh Tun Abdul Razak. Biarpun beliau bukan lagi Perdana Menteri, Tunku tetap meneruskan perjuangan menerusi ruangan akhbar, buku, dan pelbagai media lain untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum.

Pada 6 Disember 1990 Tunku telah meninggal dunia. Beliau dikuburkan dengan penuh hormat di tanah perkuburan keluarganya di Kedah untuk memenuhi permintaan beliau. Kini Allahyarham Tunku Abdul Rahman hanya tinggal kenangan bagi rakyat Malaysia.

Glosari

- | | |
|-----------------|---------------------------------------|
| 1 darjat | - pangkat |
| 2 meraih | - memperoleh, mendapat |
| 3 kompromi | - rundingan |
| 4 demokratik | - menjunjung kepentingan rakyat biasa |
| 5 infrastruktur | - kemudahan asas |

A Susun dan nomborkan pernyataan berikut mengikut urutan cerita.

- 1 Tunku mula bergiat dan menyertai Pertubuhan Pelajar-pelajar Melayu.
- 2 Tunku berkawan dan mudah mesra dengan semua orang.

- 3 Tunku seorang pelajar yang pintar dan belajar dengan bersungguh-sungguh.
- 4 Tunku lulus dalam peperiksaan dan mendapat Ijazah Undang-undang.
- 5 Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
- 6 Tunku meneruskan perjuangan beliau melalui media massa.

B Pilih kata sinonim yang betul.

- 1 berdarah
 A bersaudara B berjaya C berketurunan
- 2 dijajah
 A ditakluk B diserang C diancam
- 3 kental
 A tegap B kuat C gigih
- 4 suci
 A murni B budi C dosa
- 5 mengizinkan
 A meluluskan B membenarkan C menguatkan

C Pilih kata antonim yang betul.

- 1 cergas
 A lemah B sihat C kuat
- 2 disenangi
 A dihina B dihormati C dimudahi
- 3 menentang
 A menyokong B membangkang C menuntut
- 4 bebas
 A kawal B tebus C murni
- 5 merendah diri
 A boros B bongkak C kusut

D Tandakan (✓) bagi pernyataan yang benar dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

- 1 Tunku Abdul Rahman ialah anak Sultan Abdul Hamid Halim Shah. ()
- 2 Tunku Abdul Rahman ialah Perdana Menteri Malaysia yang pertama. ()
- 3 Tanah Melayu mencapai kemerdekaan melalui kompromi. ()
- 4 Laungan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 telah diadakan di Kuala Lumpur. ()
- 5 Tun Abdul Razak telah mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tunku Abdul Rahman setelah menang dalam pilihan raya. ()



Tun Abdul Razak

Setelah sekian lama menunggu, akhirnya pasangan suami isteri Dato' Hussein bin Mohd. Taib dan Hajah Fatimah bt. Daud telah **dikurniakan** seorang cahaya mata yang comel. Anak tunggal mereka dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan, Pahang pada Mac 1922 dinamakan Abdul Razak. Keluarganya adalah golongan ternama. Bapanya bergelar "Orang Kaya Indera Syahbandar".

Pada masa itu, pasangan suami isteri tersebut langsung tidak menyangka yang anak mereka bakal menjadi pemimpin tertinggi dan terpenting dalam negara suatu hari nanti. Beliau telah menggantikan tempat Perdana Menteri Malaysia pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Sejak di bangku sekolah lagi, Tun Abdul Razak telah menunjukkan sifat-sifat kepimpinannya. Beliau pernah menjadi ketua murid dan bergerak **aktif** dalam persatuan-persatuan yang disertainya.

Beliau terpaksa berulang-alik sejauh empat batu dengan berjalan kaki dari rumah ke sekolah. Sejak di bangku sekolah rendah lagi Tun

Abdul Razak telah menunjukkan kemampuan yang cemerlang dalam bidang pelajaran. Setiap tahun beliau dapat menggondol hadiah-hadiah dalam kelas.

Tun Abdul Razak telah mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Kampung Jambu Langgar di Pahang. Pada tahun 1934, beliau menyambung pelajarannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak sebelum ke Raffles College, Singapura pada tahun 1940.

Tun Abdul Razak dapat membuktikan bahawa bersukan tidak mengganggu pelajaran. Beliau bergerak cergas dalam sukan dan permainan seperti hoki, bola sepak, tenis, dan kriket di sekolahnya. Penyertaan beliau yang menonjol dalam segala bidang menyebabkan beliau menjadi **sebutan** di sekolahnya.

Sewaktu Tanah Melayu diduduki Jepun, Tun Abdul Razak telah menyertai Angkatan 136 dan menjadi kapten Pasukan Wataniah menentang Jepun di Bentong. Sebagai ketua, beliau sering memberi semangat supaya orang-orang Melayu bersatu padu.

"Kita semua mesti bersatu. Hanya dengan bersatu kita dapat mengalahkan musuh," itulah kata-kata yang diucapkan kepada orang ramai.

Pada tahun 1947, beliau dikurniakan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di England. Sewaktu di England, beliau sudah menunjukkan kebolehan untuk memimpin dan mempengaruhi pemikiran orang lain.

Pembelajarannya bagaimanapun terbantut kerana penaklukan tentera Jepun pada tahun 1942. Beliau kemudiannya menyertai Gerakan Tanah Jajahan dengan membantu Force 136, sebuah unit elit tentera bersekutu yang dipayang terjunkan ke Malaya untuk mensabotaj tentera Jepun. Beliau berpangkat kapten ketika Jepun menyerah kalah. Beliau telah berkenalan dengan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan mereka menjadi rakan karib. Kecekapannya terbukti lagi apabila beliau berjaya menamatkan pengajian undang-undang di Lincoln's Inn, London hanya dalam tempoh lapan belas bulan.

Semasa di London, Tun Abdul Razak tidak mensia-siakan peluang yang diberikan kepadanya. Beliau menggunakan masa yang ada untuk mendalami bidang politik dan memupuk konsep hidup dengan pemikiran yang luas. Beliau amat aktif dalam kegiatan-kegiatan pelajar, beliau kemudiannya menubuhkan Malayan Forum yang dipengaruhi oleh Parti Buruh British untuk memberi kesedaran politik kepada anak-

anak Persekutuan Tanah Melayu dan sebuah persatuan yang menyemaikan semangat kemerdekaan Tanah Melayu.

Beliau juga menganggotai Persatuan Fabian dan Malayan Student's Union. Beliau terpaksa kembali ke tanah air dan memberhentikan pelajaran lanjutannya kerana kematian ayahnya pada bulan April 1950.

Sekembalinya dari England, beliau menggantikan bapanya yang telah meninggal dunia sebagai Orang Kaya Syahbandar. Beliau pernah menjawat jawatan penting sebagai Menteri Pelajaran, Timbalan Perdana Menteri (1957), Menteri Pertahanan, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tun Abdul Razak mulai melibatkan diri dalam politik tanah air pada tahun 1950. Empat bulan selepas menganggotai UMNO, beliau dilantik sebagai Ketua Pemuda UMNO. Ini diikuti pula dengan perantikannya sebagai Ahli Tidak Rasmi Majlis Undangan Persekutuan pada 1 Februari 1951. Dalam tahun 1951 apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Yang Dipertua UMNO beliau yang berumur 29 tahun dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua. Beliau bertanggungjawab membawa Tunku menjadi pemimpin tertinggi UMNO dengan mengetepikan dirinya sendiri.

Dari sini bermulalah satu percantuman tenaga yang bersejarah dan begitu gigih dalam perjuangan mencapai kemerdekaan dan seterusnya membina sebuah negara yang maju.

Karier perkhidmatan awamnya bermula pada tahun 1952 dengan perantikannya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Pada Februari 1955 beliau dilantik sebagai Menteri Besar Pahang. Pada Jun 1955 beliau mengorbankan jawatannya dalam kerajaan dan bertanding dalam Pilihanraya Persekutuan atas tiket Perikatan. Kemenangan Perikatan menampilkan penglibatannya dalam kabinet apabila beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu pada 9 Ogos 1955.

Sebagai orang nombor dua kepada Tunku, beliau turut membuat draf-draf untuk dimuatkan dalam Perlembagaan Tanah Melayu dan menyertai rombongan menuntut kemerdekaan ke London pada tahun 1956. Setelah kemerdekaan dicapai, sewaktu umur Tun Abdul Razak 35 tahun bermulalah perkhidmatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri yang menjangkau lebih 13 tahun.



Semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Presiden UMNO pada tahun 1951, Tun Abdul Razak merupakan Timbalan Presiden UMNO dan juga menerima perlantikan sebagai Pengerusi Tetap Gerakan Pemuda UMNO. Gabungan dua orang pemimpin ini merupakan gabungan yang mantap kerana kedua-keduanya berjuang untuk kemerdekaan.

Kemenangan Parti Perikatan menampilkan penglibatan Tun Abdul Razak dalam kabinet apabila beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran pada 9 Ogos 1955. Tindakan pertama beliau sebagai Menteri Pelajaran ialah **merombak** sistem pelajaran penjajah yang mengamalkan dasar pecah dan perintah.

Beliau telah memperkenalkan Laporan Jawatankuasa Pelajaran atau lebih dikenali sebagai Penyata Razak pada tahun 1956. Penyata ini mengemukakan cadangan untuk memberi peluang kepada setiap kanak-kanak bagi mendapat pelajaran. Beliau berjaya menyatupadukan sistem pelajaran untuk membina satu bangsa yang bersatu padu. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah.

Dengan menggunakan perantaraan bahasa kebangsaan dan kandungan pelajaran yang sama di semua sekolah, semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan murid-murid daripada berbagai-bagai kaum dapat disemai. Semangat dasar pelajaran inilah yang menjadi asas mewujudkan generasi muda yang sihat dan berpelajaran sebagai sumber tenaga pembangunan.

Ketika memegang portfolio Kementerian Pertahanan, Tun Abdul Razak membawa perubahan kepada Angkatan Tentera dengan melengkapkan senjata yang moden dan cekap. Beliau juga melancarkan Relawan Rakyat (RELA) dan Skim Rukun Tentera untuk menjamin keselamatan rakyat. Beliau juga mengadakan beberapa lawatan keamanan ke negara Asia, Eropah, dan Amerika.

Beliau yang mempunyai pengalaman dalam peperangan gerila dan mengenali taktik penganas komunis telah melancarkan gerakan anti-komunis dengan jayanya sehingga 'darurat', iaitu satu tempoh 12 tahun memerangi penganas komunis diisytiharkan tamat pada tahun 1960.

Setelah berjaya menangani 'masalah perang dengan komunis' beliau kemudiannya diberikan satu tugas yang lebih penting iaitu 'mengisi keamanan dengan pembangunan' apabila dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Tun Abdul Razak turut memahat namanya sebagai pencipta kemerdekaan apabila beliau menyertai rombongan kemerdekaan ke London yang diketuai oleh Tunku. Beliau berperanan dalam pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Sumbangan beliau yang paling penting adalah ke arah pembangunan Malaysia. Tujuannya adalah untuk menghapuskan kemiskinan, kejahilan dan penyakit. Dengan itu, beliau melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang mencartakan pembangunan negara secara berperingkat melalui Rancangan Malaysia dari tahun 1970 hingga 1990.

Beliau sedar bahawa masyarakat Melayu jauh ketinggalan dalam kemajuan sosio-ekonomi. Pelancaran Rancangan Buku Hijau (1974) dan pembukaan tanah melalui FELDA dan FELCRA benar-benar membantu masyarakat Melayu membebaskan diri daripada **rantaian** kemiskinan.

Selama 10 tahun memegang portfolio dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, beliau telah berjaya membasmi buta huruf di kalangan tiga juta rakyat. Konsep demokrasi

Tun Abdul Razak yang berasaskan keseimbangan sosial dan ekonomi dapat memastikan semua rakyat mampu memainkan peranan dalam kemajuan negara. Pembangunan negara sangat besar ertinya sebab menurut beliau benteng terbesar pertahanan kedaulatan negara bukan sahaja terletak pada pertahanan tetapi yang lebih penting ialah pembangunan.

Beliau juga menerajui program pembangunan luar bandar dengan menangani masalah kemiskinan apabila menitikberatkan penambahan prasarana asas luar bandar serta mempertingkatkan produktiviti pertanian. Sebanyak tiga juta ekar tanah bagi tanaman padi, kelapa dan pelbagai tanaman lain diberikan kemudahan tali air manakala 800,000 ekar hutan telah dibuka untuk pembangunan.

Beliau telah berusaha dengan gigihnya untuk menjamin supaya pendapatan petani-petani setimpal dengan usaha-usaha mereka. Beliau telah membentuk berbagai-bagai agensi kerajaan untuk mencapai matlamat ini dan yang paling berkesan ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Negeri-Negeri.

Kemajuan yang berlipat ganda jelas daripada jumlah tanah yang dibuka, jenis-jenis tanaman yang diusahakan, bilangan murid yang disekolahkan, berbagai-bagai perusahaan dan kemudahan-kemudahan bantuan kewangan dan teknik yang disediakan. Pada waktu itu jugalah dapat dilihat penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputera secara lebih pesat dalam perniagaan khususnya dengan penubuhan agensi-agensi seperti MARA, PERNAS dan lain-lain hasil daripada cadangan-cadangan oleh Kongres-Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan. Pendek kata, segala bentuk pembangunan yang dirasakan oleh rakyat masa kini adalah sebahagian besarnya atas daya usaha dan kemahuan tegas dari Tun Abdul Razak.

Tun Abdul Razak merupakan seorang pemimpin yang peka terhadap masalah-masalah yang dihadapi dan dialami oleh rakyat negara ini. Beliau seorang pemimpin yang mencintai keamanan dan pembangunan. Kepimpinan beliau ialah yang mengasaskan perancangan yang sistematik dan teliti melalui sistem Bilik Gerakan.

Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 merupakan perkembangan politik yang bersejarah di Malaysia walaupun disambut dengan tentangan hebat oleh pihak-pihak yang tertentu. Ketokohan Tun sebagai Menteri Pertahanan mendapat ujian. Akhirnya krisis dapat diselesaikan secara damai. Memang wajarlah Tun dikenali bukan

sahaja sebagai Bapa Pembangunan tetapi juga sebagai Bapa Perdamaian.


Di arena antarabangsa, Tun Razak juga adalah orang yang bertanggungjawab berunding dengan Indonesia untuk menamatkan 'konfrantasi' yang dilancarkan oleh negara itu ke atas Malaysia yang didalangi oleh Parti Komunis Indonesia (PKI).

Setelah pilihan raya 13 Mei 1969, satu bencana perkauman telah meletus di Kuala Lumpur. Keadaan darurat telah diisytiharkan dan negara diperintah oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak. Cinta Tun Abdul Razak terhadap pemerintahan demokrasi berparlimen jelas terbukti kerana pada saat-saat genting itu beliau masih berpendapat bahawa kuasa penuh tidak akan memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Sebagai Pengarah MAGERAN, Tun berjaya memulihkan keamanan, memupuk keharmonian dan muhibah dan mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Hasil dari perbincangan-perbincangan dalam Majlis Perundingan Negara melahirkan Rukunegara – prinsip-prinsip yang menjadi kunci perdamaian antara kaum dan bertujuan mencapai kemajuan bangsa dan negara.

Tun Abdul Razak dilantik sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1970 setelah Tunku dengan rela hati meletak jawatan ekoran tekanan politik dari dalaman UMNO sendiri. Pada tahun 1971 beliau dipilih sebagai Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-22. Beliau terlebih dahulu disusuli oleh pengalaman lebih daripada 20 tahun sebagai ahli UMNO, 19 tahun selaku Timbalan Presiden UMNO, 15 tahun menjadi Menteri di berbagai-bagai kementerian dan selama 21 bulan sebagai Pengarah MAGERAN.

Rancangannya sebagai Perdana Menteri jelas dari kata-katanya: "Tiga belas tahun semenjak Merdeka, jika diibaratkan sebuah rumah, kita telah mendirikan rangka, tiang, atap dan lantai. Sekarang kita mestilah mengadakan dinding dan perkakas-perkakas yang lain supaya rumah itu dapat menurut bentuk dan rupa yang kita benar-benar kehendaki."

Iltizam utamanya sebagai Perdana Menteri ialah menangani ke peringkat akar umbi sebab musabab yang menyumbang kepada rusuhan kaum. Ada dua sebab utama yang menjadi punca ketegangan kaum, iaitu kemiskinan orang-orang Melayu serta rapuhnya perpaduan



kaum. Menyedari hakikat ini, Tun Abdul Razak telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan Rukun Negara.

Pada pertengahan tahun 1970, Dasar Ekonomi Baru yang begitu bermakna telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak. Implikasi dasar ini terletak pada matlamatnya yang berbentuk serampang dua mata – menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum melalui kegiatan ekonomi.

Penjelmaan Dasar Ekonomi Baru dan Rukun Negara di tengah-tengah rakyat berikutan dengan peristiwa 13 Mei telah memberi satu dorongan dan semangat baru kepada rakyat untuk maju setapak lagi ke depan dalam perjuangan mereka ke arah memupuk kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

Sewaktu era Tun Abdul Razaklah bermulanya pelan pembangunan yang menyeluruh dan sistematik yang dikenali sebagai 'Rancangan Pembangunan Malaysia' lima tahun yang bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua. Meskipun telah wujud rancangan sebegini sebelum era Tun Razak namun matlamat dan perlaksanaannya tidak secara kolektif dan pragmatik. Tradisi ini diteruskan sehingga ke hari ini dengan Rancangan Malaysia ke-8 yang telah dilancarkan.

Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua merupakan pemangkin Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB mempunyai kerangka waktu 20 tahun dari 1970-1990 merumuskan bahawa ekuiti bumiputera dalam negara harus mencapai 30% di akhir tempoh itu. Antara institusi yang paling penting hasil dari DEB ialah 'Federal Land Development Authority' (FELDA), suatu badan yang membuka tanah dan mengagihkannya kepada rakyat untuk tujuan pembangunan. Program ini sehingga hari ini dikenali sebagai program reformasi tanah yang paling besar dan berjaya di dunia dan seterusnya menjadikan Malaysia pengeluar terbesar getah dan minyak kelapa sawit.

Dalam usaha memupuk perpaduan antara kaum, beliau telah melancarkan 'Rukun Negara' pada 31 Ogos 1970. Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan yang mengandungi hasrat ke arah membentuk sebuah masyarakat dan negara Malaysia yang demokratik, adil, saksama, liberal dan progresif.

Tun Abdul Razak adalah seorang pemimpin yang berjiwa rakyat. Beliau gemar melawat ke kampung-kampung dan meninjau sendiri permasalahan yang dialami oleh rakyat. Beliau berjaya menghidupkan semangat bergotong-royong dan mengurangkan budaya kolonial di kalangan pentadbir Melayu. Era kepimpinannya adalah era revolusi mental yang menampilkan falsafah budaya, sosial, politik dan ekonomi negara dirumus semula secara komprehensif dan pragmatik.

Dengan beberapa kejayaan ini, Tun Abdul Razak berusaha bagi memperkukuhkan UMNO selepas kegiatan politik dipulihkan pada tahun 1971. Sewaktu beliau menjadi Presiden UMNO, ibu pejabat UMNO menubuhkan beberapa Biro di peringkat pusat yang wujud hingga hari ini. Bagi memupuk kerjasama dalam politik bergabung di bawah satu bumbung, pembentukan Barisan Nasional pada tahun 1974 adalah langkah yang konkrit ke arah kerjasama tersebut. Niat Tun Abdul Razak sungguh murni kerana jarang sekali sebuah parti pemerintah yang besar mahu bekerjasama dengan parti-parti pembangkang. Dengan pembentukan Barisan Nasional, Tun berjaya menukarkan politik konfrantasi di negara ini kepada politik akomodasi dan dialog.

Ketokohan Tun Abdul Razak tidak terbatas kepada soal-soal dalam negara sahaja. Beliau sedar akan kepentingan membentuk satu dasar luar yang berkesan untuk menjamin keselamatan negara dan rantau Asia Tenggara. Dalam masa yang singkat, beliau telah meletakkan asas-asas bagi dasar luar Malaysia yang bebas dan aktif, bertujuan menjalin persahabatan dengan semua negara-negara yang

menghormati serta ingin bersahabat dengan Malaysia tanpa mengira ideologi politik atau sistem sosial mereka.

Hasil daripada daya pemikiran Tun Abdul Razak, dasar pengecualian Asia Tenggara telah dilahirkan pada tahun 1971. Dasar ini menekankan rantau ini perlu dijadikan kawasan aman, bebas dan berkecuali. Tun juga telah merintis jalan mengadakan dasar yang lebih realistik terhadap Republik Rakyat China. Pada bulan Mei 1974, Tun Abdul Razak telah mengambil inisiatif untuk mengadakan lawatan rasmi ke negara berkenaan bertujuan menjalin perhubungan diplomatik. Langkah ini membawa implikasi politik yang penting dalam hubungan antara kedua-dua negara dan serantau.

Dalam tahun 1971 yang bersejarah itu juga, dasar kebudayaan nasional telah diperkenalkan oleh Tun. Kebudayaan ini adalah berteraskan unsur-unsur tempatan rantau ini, Islam dan unsur-unsur yang sesuai dari kebudayaan-kebudayaan lain. Tun Abdul Razak juga seorang yang menyanjung tinggi kegiatan-kegiatan sastera dengan mewujudkan Hadiah Sastera untuk karya-karya yang bermutu. Dalam bidang agama, beliau meneruskan usaha-usaha Tunku Abdul Rahman bagi memesatkan lagi perkembangan Islam, dan orang yang bertanggungjawab meluluskan peruntukan-peruntukan yang besar bagi pembinaan masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara sebagai tempat amal ibadat orang-orang Islam.

Tun Abdul Razak adalah seorang pencipta yang dinamis bukan sahaja dalam hal-hal pembangunan negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Di sebalik perwatakannya yang lemah lembut dan pendiam itu, beliau merupakan pemimpin yang gigih dan tidak kenal erti kegagalan dalam usaha-usaha beliau untuk mengubah corak kehidupan rakyat luar bandar khususnya. Dengan penglibatan dan sumbangan-sumbangannya, Malaysia kini bukan sahaja dikenali tetapi bangga akan kejayaan-kejayaan dan kedudukannya di kalangan negara-negara yang maju.

Tun Abdul Razak telah mencurahkan tenaga dan seluruh hidupnya kepada perjuangan menegakkan kedaulatan negara, kesejahteraan rakyat dan keamanan. Jasanya tidak ternilai dan budinya terhadap negara tidak terbalas. Sebagai tanda aspirasi perkhidmatan beliau kepada pembangunan bangsa dan negara, beliau diberi gelaran Bapa Pembangunan Malaysia. Di bawah pentadbiran Tun Abdul Razak, Malaysia melalui satu proses transformasi yang besar sehingga makna kemerdekaan benar-benar dapat dirasakan.

Tun Abdul Razak ialah salah seorang tokoh tanah air yang telah berbakti dalam bidang pendidikan, pembangunan, pertahanan dan sosio-ekonomi. Pelbagai kurniaan dan darjah kebesaran dikurniakan kepada Tun Abdul Razak di dalam dan luar negara.

Pemergian beliau pada 14 Januari 1976 merupakan satu kehilangan besar bagi seluruh rakyat Malaysia. Meskipun beliau telah kembali ke rahmatullah tetapi banyak kenangan yang masih dapat kita gunakan untuk menerangkan kepada generasi akan datang.

Beliau ialah seorang pemimpin yang berjiwa besar. Rakyat Malaysia haruslah berbangga dan berusaha untuk meneruskan usahanya. Sebagai rakyat Malaysia, kita berasa bertuah dengan nikmat yang dapat kita kecapai pada hari ini berkat jasa dan usaha pemimpin-pemimpin negara yang bersemangat juang yang tinggi.

Banyak bangunan yang telah dibina untuk mengingati nama Tun Abdul Razak seperti Memorial Tun Abdul Razak, Universiti Tun Abdul Razak dan Maktab Perguruan Tun Abdul Razak yang terletak di Kota Samarahan, Sarawak. Ruangan dan koleksi bagi Tun Abdul Razak yang terdapat di dalam Memorial Tun Abdul Razak juga bertujuan untuk mengingati jasa dan bakti beliau terhadap negara kita Malaysia.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan bagi mengingati jasa Tun Abdul Razak, kita haruslah menghargai jasa beliau. Kita perlulah menceritakan atau sentiasa mengingatkan generasi muda tentang semangat perjuangan Tun Abdul Razak menuntut kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama Tunku Abdul Rahman.

Selain itu, kerajaan yang kini telah memasukkan sejarah mengenai tokoh-tokoh negarawan ke dalam mata pelajaran juga boleh melahirkan warganegara yang lebih mencintai negara. Dengan ini, mereka dapat merasai betapa susahnya tokoh-tokoh negarawan berjuang untuk mencapai hasrat seluruh rakyat Malaysia iaitu mencapai kemerdekaan.

Glosari

- | | |
|---------------|-------------------|
| 1 dikurniakan | – dianugerahkan |
| 2 aktif | – cergas |
| 3 sebutan | – bualan |
| 4 merombak | – menyusun semula |
| 5 rantaian | – kongkongan |

A Susun dan nomborkan pernyataan berikut mengikut urutan cerita.

- 1 Tun Abdul Razak diiktiraf sebagai Bapa Pembangunan Malaysia.
- 2 Tun Abdul Razak melancarkan Rancangan Buku Hijau dan pembukaan tanah melalui Rancangan FELDA dan FELCRA.
- 3 Tun Abdul Razak dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua pada tahun 1970.
- 4 Memorial Tun Abdul Razak dibina untuk mengingati jasa dan bakti beliau.
- 5 Tun Abdul Razak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1957.
- 6 Tun Abdul Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976.

B Pilih kata sinonim yang betul.

- 1 diujarkan
A dikeluarkan B dikatakan C ditunjukkan
- 2 mantap
A kukuh B rapuh C cocok
- 3 mengemukakan
A mencadangkan B membina C mencipta
- 4 mengasaskan
A mengingatkan B meletakkan C memulakan
- 5 kecapai
A hargai B nikmati C ingati

C Pilih kata antonim yang betul.

- 1 menentang
A memboikot B melawan C menyokong
- 2 menerima
A menganugerah B menolak C menarik
- 3 moden
A canggih B terkini C kuno

- 4 keamanan
A kekecohan B keselamatan C keharmonian
- 5 menghapuskan
A melesapkan B mewujudkan C menghilangkan

D Tandakan (✓) bagi pernyataan yang benar dan () bagi pernyataan yang salah.

- 1 Tun Abdul Razak dikenali sebagai Bapa Pembangunan Malaysia. ()
- 2 Tun Abdul Razak mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kuala Kangsar. ()
- 3 Tun Abdul Razak pernah menjadi kapten Pasukan Wataniah untuk menentang Jepun. ()
- 4 Tun Abdul Razak pernah menjawat jawatan penting sebagai Menteri Kewangan. ()
- 5 Tun Abdul Razak meninggal dunia semasa beliau berumur 54 tahun. ()

